

Putrajaya

Kerajaan bersetuju membenarkan penghantaran pulang 53,000 penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) ke kampung halaman masing-masing bermula Isnin ini.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penghantaran pulang itu akan berjalan secara berperingkat dan membabitkan prosedur operasi standard (SOP).

Katanya, pada peringkat awal penghantaran pulang yang ditanggung sepenuhnya kerajaan hanya membabitkan daripada kampus atau rumah sewa ke zon hijau saja.

"Mesyuarat khas menteri-menteri pagi tadi bersetuju membenarkan penghantaran pulang pelajar IPT yang terkandas di kampus dan rumah sewa masing-masing bermula 27 April ini.

"Namun, waktu perjalanan dihadkan antara 9 malam hingga 9 pagi saja bagi mengelak kesesakan pada waktu siang.

"Kita arahkan pelajar yang ingin pulang menjalani saringan gejala sebelum menaiki bas dan mereka dibekalkan makanan dan penutup mulut dan hidung," katanya dalam sidang media harian di sini, semalam.

Beliau berkata, penjarakan sosial dalam bas juga dititikberatkan dan dihadkan.

"Kita akan pastikan penjarakan sosial dalam bas. Jika bas muat 40 penumpang hanya 20 penumpang saja dibenarkan naik bas.

"Pelajar itu akan diambil



MAHASISWA Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) Mohamad Syakirin Aizat Ab Rahim (kanan) menunjukkan kebolehannya bermain gitar sambil didengari rakannya, Muhammad 'Atif Hazim Hasbullah (kiri) dan Muhammad Adi Zakwan Mohamad Salleh sebagai mengisi masa lapang semasa tempoh PKP, semalam.

53,000 BOLEH BALIK

Penuntut IPT dibenarkan pulang ke kampung halaman ikut SOP ditetapkan



Kita arahkan pelajar yang ingin pulang menjalani saringan gejala sebelum menaiki bas dan mereka dibekalkan makanan dan penutup mulut dan hidung"

Ismail Sabri Yaakob

dari kampus dan dibawa terus ke balai polis dan pejabat daerah sebelum dihantar ke rumah masing-masing oleh agensi kerajaan berkaitan.

"Bagi yang menaiki kenderaan sendiri tidak dibenarkan merentas negeri dan hanya memandu seorang dalam kenderaan," katanya.

Bagi penghantaran pulang penuntut Sabah dan Sarawak ia dilakukan dengan kerjasama kerajaan negeri.

"Pelajar yang pulang ke

Sabah Sarawak penerbangan akan disediakan dan pendaratan akan dilakukan berhampiran kawasan tempat tinggal mereka.


"Mereka juga akan dikuarantin 14 hari seperti mana kerajaan negeri putuskan mana-mana penumpang datang dari luar termasuk Semenanjung akan dikuarantin," katanya.

Beliau berkata, pergerakan pulang itu membabitkan 53,000 iaitu 85 peratus daripada jumlah keseluruhan

penuntut IPT termasuk kolej komuniti dan politeknik manakala 15 peratus lagi memilih menetap di kampus dan kolej masing-masing.

"Mereka yang kekal di kampus kita akan tanggung makan minum.

"Bagi institusi lain di bawah kementerian lain contohnya Universiti Kuala Lumpur (UniKL) juga dibenarkan pulang tetapi perlu mematuhi SOP dikeluarkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)," katanya.



PELAJAR Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Azwan Mohd Somari membaca buku bagi mengisi masa lapang.

